

ورتاق فرنشن Warta Penerangan



DISEMBER 2016





Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
**Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.**



Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Unit Penerbitan Melayu

Rekaletak
Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

Isi Kandungan	Muka
Sertai Sambutan Maulidur Rasul	5-6
Jabatan Penerangan Kendalikan Dikir Syarafil Anam	7
Majlis Dikir Sambutan Maulud Nabi Muhammad SAW 1438/2016	8
Mesyuarat JPAKK/JJK	9
Tanamkan Semangat Patriotik sejak dari awal	10
Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam role model terbaik umat Islam	11
Program Sua Muka dekati penduduk kampung	12-13
Program Sua Muka terus dekati penduduk kampung	14-15
Program Sua Muka susuri Kampung Sungai Matan	15-17
Tingkatkan usaha dekati masyarakat	18-19
Barigakan maklumat, dekati penduduk luar bandar	19-20
Program Sua Muka tingkatkan hubungan dua hala	21-22
Majlis penyampaian sijil dan pembentangan hasil penempatan kerja	23
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini	23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Sertai Sambutan Maulidur Rasul

Oleh: Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERKENAN MENERIMA JUNJUNG ZIARAH DARIPADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN PENERANGAN.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Januari. - Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Bagi Tahun 1436 Hijrah telah diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyemarakkan lagi majlis sambutan tersebut. Warga Jabatan Penerangan juga tidak ketinggalan menyertai perarakan sambutan Maulidur Rasul yang mana seramai 30 orang pegawai dan kakitangan jabatan ini telah ikut serta dalam perarakan tersebut. Pada tahun ini jarak laluan perjalanan perarakan dikurangkan menjadi 3.7 kilometer dari 4.7 kilometer yang asalnya.

Majlis sambutan dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya berkenan berangkat menerima junjung ziarah dan bersalam-salaman dengan ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian dalam perhimpunan dan perarakan tersebut. Majlis diteruskan dengan persembahan Dikir Marhaban yang dibawakan oleh Pasukan Dikir Kementerian Pertahanan dan sebaik-baik sahaja sampai kepada 'Ya Habibi' tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan. Bagi memohon berkat dan syafaat, doa selamat telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan.



PASUKAN perarakan yang diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan bersama para peserta yang mewakili Jabatan Penerangan (atas, bawah).

Sebelum perarakan bermula, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal mengepalai bacaan selawat yang menandakan perarakan akan dimulakan. Perarakan mengelilingi sebahagian Bandar Seri Begawan didahului oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja dan pembesar-pembesar negara.

Pada tahun ini sebanyak 132 buah pasukan menyertai perhimpunan dan perarakan dengan jumlah keramaian lebih 14 ribu orang. Tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Bagi Tahun 1436 Hijrah ialah ‘Mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam’.



Jabatan Penerangan kendalikan Dikir Syarafil Anam

Oleh: Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (empat, kanan) hadir pada Majlis Dikir Maulud di Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen, Kampung Mulaut.

KAMPUNG MULAUT, Khamis, 8 Disember. - Dikir Syarafil Anam terus bergema di semua masjid, surau dan balai ibadat di negara ini bagi meraikan Sambutan Maulidur Rasul yang akan menjelang tiba. Sehubungan itu, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri juga mengadakan Majlis Dikir Maulud di Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen, Kampung Mulaut, di sini.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad hadir pada majlis tersebut bagi mengetuai rombongan Jabatan Penerangan. Majlis dimulakan dengan Solat Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan bacaan dikir oleh rombongan serta jemaah masjid berkenaan.

Majlis juga diserikan dengan bacaan Qasidah daripada murid-murid Pusat Tahfiz Ar-Rahmah, Keningau, Sabah. Turut menyertai majlis ialah jemaah masjid dan penduduk sekitar kawasan kampung berkenaan.



SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa Majlis Dikir Maulud di Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen, Kampung Mulaut.

Majlis Dikir Sambutan Maulud Nabi Muhammad SAW, 1438/2016

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

MAJLIS Dikir Sambutan Maulud Nabi Muhammad SAW, 1438/2016 dihadiri oleh Pemangku Pengarah, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan di Masjid Sungai Hancing, Jalan Muara pada Hari Selasa, 6 Disember 2016.



MESYUARAT JPAKK & JJK

Berita & Foto: Unit Perhubungan Awam



Mesyuarat JPAKK & JJK dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Media & Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri.

BERAKAS, Khamis, 1 Disember. - Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan (JPAKK & JJK) telah mengadakan mesyuarat kali ke-3 bagi tahun 2016 di Jabatan Penerangan.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri. Turut hadir ialah Awang Mawardi bin Haji Mohammad, Pemangku Pengarah Penerangan selaku Timbalan Pengurus, Dayang Hajah Rabi'atul'adawiyah binti Haji A.Ahmad, Pemangku Timbalan Pengarah selaku Setiausaha dan para pegawai dan pengamal perhubungan awam dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Antara agenda mesyuarat ialah perkembangan Focus Group 1 mengenai ‘Struktur dan Peranan Perhubungan Awam’, membincangkan cadangan nama baru bagi jawatankuasa serta sesi perkongsian mengenai Program Pertukaran Pegawai Penerangan Negara Brunei Darussalam ke Singapura. Mesyuarat juga mendengarkan sesi perkongsian struktur dan peranan bahagian/unit perhubungan awam dari Kementerian Sumber-Sumber Utama & Pelancongan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang disampaikan oleh wakil kementerian masing-masing.

Jabatan Penerangan telah dilantik menjadi Sekretariat bagi JPAKK & JJK sejak ianya mula ditubuhkan pada 8 Mac 1997.

Tanamkan semangat patriotik sejak dari awal

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



PEGAWAI Penerangan, Dayang Noriah Haji Abd. Hamid menyampaikan Taklimat Kenegaraan Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan kepada pelatih-pelatih Pusat Pembangunan Belia.

Penyelaras dan Ketua Program Pembangunan Belia, Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ahib berpendapat, ini merupakan salah satu aktiviti Program Pembangunan Diri dan salah satu komponen yang terdapat pada program tersebut, iaitu mengenai dengan kenegaraan. Jelasnya, di bawah Program Pembangunan Diri mempunyai 12 komponen seperti sukan, kesihatan dan keselamatan keugamaan, disiplin, kemasyarakatan dan kebudayaan, tatanegara dan lain-lain di mana tatanegara kenegaraan melibatkan sebuah jabatan iaitu Jabatan Penerangan.

“Dengan adanya Taklimat Kenegaraan Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara ini, dapatlah pelatih-pelatih mengetahui mengenai sejarah, kemunculan dan warna-warna Bendera Negara dan masa-masa tertentu bagi menaikkan bendera, serta mananamkan lagi semangat patriotik mereka ada dalam jiwa masing-masing,” ujarnya.

Di samping mendedahkan mengenai taklimat ini tambahnya, mereka juga disarankan untuk menjaga dan menghormati Bendera Negara dan beliau berharap supaya dapat diserapkan dalam hati sanubari mereka agar mencintai negara dan mengetahui akan pentingnya bendera sebagai lambang kenegaraan.

Sementara itu, bagi Awang Mohammad Aizat Zulariffin bin Haji Masharun dari jurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi menjelaskan merasa beruntung kerana berpeluang mendengarkan Taklimat Kenegaraan ini, kerana sebelum ini beliau tidak mengetahui mengenai sejarah serta erti yang terdapat pada Bendera Negara Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Disember. - Penghayatan dan pemahaman di kalangan generasi muda terhadap Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam perlu diserapkan pada diri mereka agar semangat patriotik tidak akan pernah luntur sedari awal.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan hari ini memberikan penerangan Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam’ di Pusat Pembangunan Belia. Taklimat yang berlangsung di Dewan Binadiri, pusat berkenaan melibatkan seramai 89 orang yang mana Taklimat Kenegaraan ini merupakan salah satu aktiviti para pelatih di pusat berkenaan yang diberikan bagi setiap pengambilan Program Pembangunan Belia.

Penerangan Taklimat Kenegaraan Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Noriah binti Haji Abd. Hamid. Dalam taklimat tersebut, beliau menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah peliharakan Sultan’ dengan lebih terperinci. Pelita Brunei pada sesi taklimat tersebut, berkesempatan membuat pendekatan bersama salah seorang tenaga pengajar yang mengongsikan pendapat dan saranan beliau mengenai pelaksanaan taklimat yang diadakan.



Awang Mohammad Aizat Zulariffin bin Haji Masharun.

Dengan adanya taklimat ini tambahnya, mereka akan dapat memahami akan kepentingan bendera negara, dan ada rasa hormat kepada bendera negara dan tidak mensia-siakan bendera negara.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam role model terbaik umat Islam

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Khamis, 15 Disember. - Sebagai umat Islam kita hendaklah sentiasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana tergolong sebagai umat junjungan agung Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Perkara ini disentuh dalam ceramah sempena memperingati Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam anjuran Jabatan Penerangan yang diadakan di surau jabatan tersebut, di sini.

Dalam ceramah yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Antarabangsa dan Perhubungan Awam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Haji Sammali bin Haji Adam bertajuk Wawasan yang berkat dengan bercontoh kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam turut mengongsikan Baginda Rasulullah sebagai ikutan yang baik dan ‘role model’ umat Islam.

Beliau menambah, dalam menjalani kehidupan sehari-hari selaku umat Islam hendaklah mengutamakan pentingnya komponen keberkatan dalam menjalani ibadah dan urusan-urusan pekerjaan sehari-hari.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dari



CERAMAH sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Antarabangsa dan Perhubungan Awam, UNISSA, Awang Haji Sammali bin Haji Adam.



PARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang hadir pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diadakan di Surau, Jabatan Penerangan (atas, bawah).

Surah Ali ‘Imran yang diperdengarkan oleh Awang Aliahmad bin Achee.

Majlis Memperingati Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang dihadiri oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan ini turut diserikan dengan Dikir Marhaban yang dipimpin oleh Awang Haji Azim @ Mu’az bin Haji Tujoh.

Majlis diakhiri dengan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Ali Massud.



Program Sua Muka dekati penduduk kampung

Oleh: Haji Ariffin Mohd. Noor, Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Hamzah Mohidin



KETUA Unit Hubungan Masyarakat menyampaikan cenderahati kepada Ketua Kampung Sungai Belukut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Disember. Jabatan Penerangan menerusi Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi program Sua Muka ke Kampung Sungai Belukut pada hari Khamis, 8 Disember 2016. Program tersebut diadakan di rumah ketua kampung Sungai Belukut Mukim Kota Batu, Awang Haji Zakaria bin Haji Ahmad.

Program Sua Muka ini adalah salah satu program di bawah strategi kerja jabatan, iaitu Komunikasi Bersemuka, yang dihasilkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat selain merupakan platform untuk menyampaikan dasar dan maksud kerajaan demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat, ke arah cintakan agama, bangsa, raja dan negara.

Ia juga untuk mendapatkan isu-isu dan pendapat, cadangan yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan. Membarigakan

dan mempromosikan perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung, terutamanya tempat dan produk untuk diperkenalkan kepada orang ramai, dalam dan luar negara melalui penulisan rencana Kenali Negara



PARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan bergambar ramai bersama Ketua Kampung Sungai Belukut dan Ahli Majlis Perundingan Kampung tersebut.

Program yang sama juga diadakan di Kampung Serdang Mukim Kota Batu iaitu di rumah Ketua Kampung, Awang Mohammad bin Bakar pada hari Selasa, 13 Disember 2016.



KETUA Unit Hubungan Masyarakat semasa menyampaikan cenderahati kepada Ketua Kampung Serdang



PELBAGAI isu, pendapat dan cadangan disuarakan dalam Program Sua Muka mendekatkan hubungan dua hala antara masyarakat dengan kerajaan.



PARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan bergambar ramai bersama Ketua Kampung Serdang dan Ahli Majlis Perundingan Kampung tersebut.

Program Sua Muka terus dekati penduduk kampung

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (kiri) semasa Program Sua Muka atau ‘Personal Contact’ bersama Pemangku Ketua Kampung Pudak, Awang Shahri bin Haji Durahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Disember. - Program Sua Muka atau ‘Personal Contact’ terus mendekati penduduk kampung di negara ini dengan Program Sua Muka di kediaman Pemangku Ketua Kampung Pudak, Awang Shahri bin Haji Durahim menjadi tumpuan.

Ini merupakan salah satu aktiviti berterusan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dalam usaha untuk terus menjalin kolaborasi yang lebih erat dalam hal ehwal kemasyarakatan.

Mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad yang juga disertai oleh pegawai-pegawai dan kakitangan dari beberapa bahagian dan unit yang berkenaan.

Rombongan Jabatan Penerangan telah dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Kampung dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Biro Wanita. Program Sua Muka itu adalah salah satu program di bawah strategi kerja jabatan, iaitu Komunikasi Bersemuka, yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat.

Program tersebut merupakan platform untuk menyampaikan dasar dan maksud kerajaan demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat, ke arah cintakan agama, bangsa, raja dan negara. Ia juga untuk mendapatkan isu-isu dan pendapat, cadangan yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan.

Membarigakan dan mempromosikan perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung, terutamanya tempat dan produk untuk diperkenalkan kepada orang ramai, dalam dan luar negara melalui penulisan rencana Kenali Negara Kitani (KNK) untuk disiarkan di Pelita Brunei, selaras dengan peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan.

Antara yang disampaikan dari pihak jabatan ialah memperkenalkan dan membarigakan versi digital Pelita Brunei, iaitu e-Pelita Brunei dan Pelita Brunei online; Penggunaan bendera, banner dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional serta bahan-bahan bacaan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan Hukum Kanun Jenayah Syar’iah 2013.

Manakala antara isu yang dikongsikan daripada pihak MPK Pudak adalah isu-isu yang berkaitan dengan prasarana, kecemasan, keusahawanan, pelancongan dan kedudukan kewarganegaraan. Sememangnya program yang menjurus kepada mendekati orang ramai secara bersua muka adalah masih relevan dalam zaman yang canggih ini kerana ia lebih bersifat personal dan interaksi akan lebih berkesan serta dapat memberikan jalinan muhibah yang baik.

Oleh kerana itu, hubungan baik yang terjalin antara warga Perkhidmatan Awam dan masyarakat akan dapat mewujudkan kemakmuran dan keharmonian masyarakat dan negara. Ini sangat penting dalam memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat. Dengan adanya program sebegini ia akan dapat memupuk semangat kekitaan dan bertanggungjawab terhadap negara serta menyemai hubungan yang erat antara kerajaan dengan rakyat.



PROGRAM Sua Muka atau ‘Personal Contact’ bersama Pemangku Ketua Kampung Pudak, Awang Shahri bin Haji Durahim diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad berkesempatan bergambar kenangan bersama-sama pegawai-pegawai Jabatan Penerangan dan para penduduk Kampung Pudak.

Program Sua Muka susuri Kampung Sungai Matan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Disember. - Program Sua Muka (PSM) atau Personal Contact terus mendekati penduduk kampung di negara ini dengan berkunjung ke kediaman Ketua Kampung Sungai Matan, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Zainal.

Ini merupakan salah satu aktiviti berterusan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dalam usaha untuk terus menjalin kolaborasi yang lebih erat dalam hal ehwal kemasyarakatan.

Mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar yang juga disertai oleh pegawai-pegawai dan kakitangan dari beberapa bahagian dan unit yang berkenaan.

Rombongan Jabatan Penerangan dialu-alukan oleh Ketua Kampung dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Biro Wanita. Program Sua Muka itu adalah salah satu program di bawah strategi kerja jabatan, iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara pihak kerajaan dan rakyat.

Selain itu, program itu juga sebagai platform untuk menyampaikan dasar dan maksud kerajaan demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat, ke arah cintakan agama, bangsa, raja dan negara selain sebagai usaha



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar (duduk, tiga dari kanan) bersama para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan bergambar ramai bersama Ketua Kampung dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Biro Wanita.

untuk mendapatkan isu-isu dan pendapat serta cadangan yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan. Di samping itu, program juga dihasratkan untuk membarigakan dan mempromosikan perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung, terutamanya tempat serta produk untuk diperkenalkan kepada orang ramai, dalam juga luar negara melalui penulisan rencana Kenali Negara Kitani untuk disiarkan di Pelita Brunei, selaras dengan peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan.

Antara yang disampaikan dari pihak jabatan ialah memperkenalkan dan membarigakan versi digital Pelita Brunei, iaitu e-Pelita Brunei dan Pelita Brunei online; penggunaan bendera, banner dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional serta bahan-bahan bacaan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan Hukum Kanun Jenayah Syar'iah 2013.

Melalui Pelita Online yang telah diperkenalkan sejak tahun 2008, membolehkan orang ramai mengikuti berita dan acara yang berlangsung di negara ini. Jabatan Penerangan juga tidak ketinggalan untuk mempunyai laman media sosialnya sendiri seperti Facebook (Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri), Instagram infodept.bn dan Twitter @infodept_bn, sepetimana agensi-agensi kerajaan lainnya.

Para pengunjung yang telah melayari Pelita Online adalah berjumlah 1,737,243, laman media sosial Facebook kini hampir mencalah 8,000 penggemar, sementara Instagram juga berjumlah 8,000 pengikut (followers).

Jabatan Penerangan juga menyediakan dan mengemas kini laman-laman sesawang seperti Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Istiadat Perkahwinan Diraja.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar ketika menjawab pelbagai isu yang dikemukakan.

Manakala antara isu yang dikongsikan daripada pihak MPK Sungai Matan adalah isu-isu yang berkaitan dengan keusahawanan dan pelancongan. Kampung Sungai Matan terkenal dengan ‘ASEAN HOME STAY’ bagi pelancong-pelancong untuk singgah melihat suasana persekitaran dan merasa makan-makan tradisi Negara Brunei Darussalam.

Sememangnya program yang menjurus kepada mendekati orang ramai secara bersua muka adalah masih relevan dalam zaman yang canggih ini kerana ia lebih bersifat personal serta interaksi dan akan lebih berkesan serta dapat memberikan jalinan muhibah yang baik.

Oleh kerana itu, hubungan baik yang terjalin antara warga Perkhidmatan Awam dan masyarakat akan dapat mewujudkan kemakmuran serta keharmonian masyarakat juga negara. Ini sangat penting dalam memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat.

Dengan adanya program sebegini ia akan dapat memupuk semangat kekitaan dan bertanggungjawab terhadap negara serta menyemai hubungan yang erat di antara kerajaan dengan rakyat.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa menyampaikan cenderahati dari Jabatan Penerangan.



SALAH seorang MPK Sungai Matan ketika mengajukan soalan dalam program tersebut.

Tingkatkan usaha dekati masyarakat

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

MUKIM KOTA BATU, Selasa, 20 Disember. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat secara berterusan mendekati rakyat dan penduduk di negara ini melalui institusi penghulu dan ketua kampung melalui program bersua muka atau lebih dikenali dengan personal contact.

Melalui program ini para pegawai dan kakitangan dari jabatan berkenaan dapat mendengarkan permasalahan dan cadangan-cadangan daripada rakyat yang seterusnya akan disalurkan kepada agensi-agensi dalam kerajaan yang berkenaan untuk dinilai dan diambil tindakan selanjutnya.

Di samping itu peluang bersua muka dalam suasana muhibah ini dapat dijadikan wadah untuk menyampaikan maklumat-maklumat terkini dan usaha-usaha kerajaan kepada pemimpin akar umbi untuk dikongsikan bersama penduduk kampung.

Terdahulu Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad mengetuai rombongan seramai lapan orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan berkunjung ke kediaman Ketua Kampung Pelambayan Mukim Kota Batu, Awang Haji Hanipah bin Begawan Pehin Udana Khatib Haji Junit, di sini.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (kanan) semasa menyampaikan cenderahati dari Jabatan Penerangan yang diterima oleh Ketua Kampung Pelambayan Mukim Kota Batu, Awang Haji Hanipah bin Begawan Pehin Udana Khatib Haji Junit.

PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (tengah) semasa hadir dalam Program Sua Muka bagi Kampung Dato Gandi dan Kampung Pelambayan di Mukim Kota Batu.



Hadir pada program sua muka ini ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, selaku Penasihat Bersama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Dato Gandi. Turut hadir Ahli-ahli MPK Kampung Dato Gandi dan MPK Kampung Pelambayan.

Antara perkara yang disampaikan dari pihak jabatan ialah memperkenalkan dan membarigakan akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei versi digital dan dalam talian (online); penggunaan bendera, kain rentang (banner) dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional serta bahan-bahan bacaan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan sendiri.

Beliau turut menyentuh mengenai Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang merupakan salah satu landasan yang boleh disertai oleh penduduk-penduduk kampung secara berkumpulan. Program PMB selama dua hari tersebut dihasratkan dapat menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan siri lawatan.



SEBAHAGIAN daripada Majlis Perundingan Kampung yang hadir dalam Program Sua Muka bagi Kampung Dato Gandi dan Kampung Pelambayan di Mukim Kota Batu.

Antara perkara-perkara yang dikongsikan oleh pihak MPK pada Program Sua Muka ini ialah cadangan bagi pembisanan prasarana menghubungkan kampung seperti pembesaran jalan raya utama menghubungkan Mukim Kota Batu dengan Jalan Residency yang mana terdapat beberapa tempat-tempat bersejarah dan tarikan pelancong di sepanjang jalan berkenaan. Lain-lain perkara yang turut dikenangkan termasuk isu-isu kebersihan dan alam sekitar serta prasarana awam.

Di samping berkongsi dan bertukar-tukar maklumat, rombongan dari Jabatan Penerangan turut dibawa meninjau produk-produk hasil Biro Wanita MPK Kampung Pelambayan seperti pembuatan kuih-kuih melayu antaranya apam, cacah, penyaram, katilapam dan kelupis dan kemudiannya melawat ke pesekitaran kampung berkenaan. Kampung Pelambayan dan Kampung Dato Gandi termasuk dalam Mukim Kota Batu, iaitu sekitar tujuh kilometer dari ibu kota Bandar Seri Begawan.

Barigakan maklumat, dekati penduduk luar bandar

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

MUKIM KOTA BATU, Khamis, 22 Disember. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri meneruskan lagi Program Sua Muka atau juga dikenali sebagai ‘personel contact’ ke Kampung Menunggol di Daerah Brunei dan Muara.

Rombongan yang diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dialu-alukan oleh Ketua Kampung Menunggol, Awang Yusuf bin Muhammad dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Biro Wanita Kampung Menunggol yang diadakan di kediaman ketua kampung.

Turut menyertai program ini ialah seramai sepuluh orang pegawai dan kakitangan dari bahagian dan unit-unit di Jabatan Penerangan.

Program Sua Muka ini merupakan salah satu program di bawah strategi kerja Komunikasi Bersemuka jabatan yang diungkayahkan melalui Unit Hubungan Masyarakat.

Antara perkara yang disampaikan semasa Program Sua Muka ini ialah memperkenalkan dan membarigakan akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei versi digital dan dalam talian (online); penggunaan bendera, kain rentang (banner) dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional serta bahan-bahan bacaan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan sendiri.

Pada program berkenaan, Pemangku Pengarah Penerangan turut menyentuh mengenai Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang merupakan salah satu landasan yang boleh disertai oleh penduduk-penduduk kampung secara berkumpulan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (empat dari kiri) berserta rombongan dalam sesi bergambar ramai bersama Ketua Kampung dan Ahli Majlis Perundingan Kampung Menunggol.

Program PMB selama dua hari tersebut dihasratkan dapat menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan siri lawatan.

Sementara itu, pihak MPK pada program berkenaan mengongsikan cadangan-cadangan bagi menaik taraf dan pemeliharaan prasarana kerajaan, ekonomi, kesejahteraan serta kebajikan para penduduk yang bermastautin di kampung berkenaan.

Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Rabiatul Adawiyah binti Haji A. Ahmad semasa ditemui pada Program Sua Muka ini berkata, program sedemikian disasarkan kepada sebanyak 63 buah kampung di seluruh negara dan setelah Kampung Menunggol ini destinasi seterusnya ialah ke Daerah Temburong.



KAMPUNG Menunggol terbahagi kepada 5 kampung kecil iaitu Kampung Kecil Berambang, Kampung Buang Piai, Kampung Menunggol Tengah, Kampung Menunggol Laut dan Kampung Riong

Beliau menambah kesempatan seperti ini juga turut digunakan bagi mempromosikan produk-produk dan perkembangan kampung agar ianya diketahui oleh orang ramai. Semasa ditemui oleh Pelita Brunei, Ketua Kampung Menunggol, Awang Yusup bin Muhammad berharap segala cadangan yang dibincangkan bersama akan dapat disampaikan kepada agensi-agensi berkenaan untuk dinilai dan diambil tindakan.

Kampung Menunggol terletak di Mukim Kota Batu dan dihuni oleh seramai 595 orang penduduk yang majoritinya terdiri daripada puak kedayan.



KETUA Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Rabiatul Adawiyah binti Haji A. Ahmad.



KETUA Kampung Menunggol, Awang Yusup bin Muhammad.

Program Sua Muka tingkatkan hubungan dua hala

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Penerangan



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (empat, kiri) bersama Penghulu Mukim Labu selaku Pemangku Ketua Kampung Piasau-Piasau, Awang Haji Abdurahman bin Haji Nasir serta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dan MPK Kampung dalam sesi bergambar ramai sejurus selepas Program Sua Muka.

TEMBURONG, Sabtu, 24 Disember. - Dalam usaha untuk terus mendekati penduduk kampung di negara ini, Program Bersua Muka atau dikenali dengan ‘Personal Contact’ kali ini diadakan di kediaman Penghulu Mukim Labu selaku Pemangku Ketua Kampung Piasau-Piasau, Awang Haji Abdurahman bin Haji Nasir.

Program ini adalah salah satu aktiviti berterusan yang diungkayahkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan. Rombongan Jabatan Penerangan telah dialu-alukan oleh Penghulu Mukim Labu selaku Pemangku Ketua Kampung dan Ahli Majlis Perundingan Kampung Piasau-Piasau.

Mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, disertai oleh pegawai dan kakitangan dari beberapa bahagian dan unit yang berkenaan. Program Sua Muka ini adalah salah satu program di bawah strategi kerja jabatan, iaitu Komunikasi Bersemuka, yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat selain merupakan platform untuk menyampaikan dasar dan maksud kerajaan demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat, ke arah cintakan agama, bangsa, raja dan negara.

Ia juga untuk mendapatkan isu-isu dan pendapat, cadangan yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan. Membarangkan dan mempromosikan perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung, terutamanya tempat dan produk untuk diperkenalkan kepada orang ramai, dalam dan luar negara melalui penulisan rencana Kenali Negara Kitani (KNK) untuk disiarkan di PELITA BRUNEI, selaras dengan peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan. Melalui program berkenaan, pihak jabatan memperkenalkan dan membarangkan versi digital PELITA BRUNEI iaitu e-Pelita Brunei dan PELITA BRUNEI online termasuk tatacara untuk memuat turun e-Pelita Brunei. Penggunaan bendera, banner dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional serta bahan-bahan bacaan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013.



PENGHULU Mukim Labu selaku Pemangku Ketua Kampung Piasau-Piasau dan ahli MPK yang hadir semasa program berkenaan.

Manakala antara yang dikongsikan dari pihak MPK dan penduduk kampung adalah cadangan-cadangan yang berkaitan dengan penambahbaikan dan pemeliharaan prasarana dan perumahan. Dalam membantu penduduk kampung untuk mengetahui, memahami dan menghayati maklumat-maklumat penting lebih terperinci seperti Wawasan Brunei 2035, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, keusahawanan dan sebagainya, satu program, iaitu Program Masyarakat Bermaklumat juga dikongsikan kepada ahli MPK.

Yang mana program ini adalah landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan, bukan sahaja melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan malah juga melalui lawatan-lawatan mengikut kesesuaian.

Sememangnya program yang menjurus kepada mendekati orang ramai secara bersua muka adalah masih relevan dalam zaman yang canggih ini, kerana ia lebih bersifat personal dan interaksi akan lebih berkesan, serta dapat memberikan jalinan muhibah yang baik.

Oleh kerana itu hubungan baik yang terjalin antara warga perkhidmatan awam dan masyarakat akan dapat mewujudkan kemakmuran dan keharmonian masyarakat dan negara. Ini sangat penting dalam memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat. Dengan adanya program sebegini ia akan dapat memupuk semangat kekitaan dan bertanggungjawab terhadap negara serta menyemai hubungan yang erat antara kerajaan dengan rakyat.

Di era yang serba canggih ini, Jabatan Penerangan juga tidak ketinggalan untuk mempunyai laman media sosialnya. Penduduk negara ini boleh mengikuti Facebook Jabatan Penerangan iaitu Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri, Akaun Twitter : @infodept_bn dan Akaun Instagram : @infodept.bn.

Majlis Penyampaian sijil dan pembentangan hasil penempatan kerja

Oleh & Foto: Unit Pembangunan dan Latihan



PEMANGKU Ketua Unit Kenegaraan menyampaikan sijil kepada Dk. Nurulatikah binti Pg. Haji Omar setelah selesai pembentangan hasil penempatan kerja beliau.

SATU majlis Penyampaian sijil dan pembentangan hasil penempatan kerja bagi Dk. Nurulatikah binti Pg. Haji Omar, penuntut Universiti Brunei Darussalam selama tiga bulan di Jabatan Penerangan bermula 29 Ogos hingga 05 Disember 2016 telah diadakan pada hari Isnin, 5 Disember 2016 bertempat di Tingkat 2, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini

KURSUS/TAKLIMAT/BENGKEL BULAN DISEMBER 2016				
NAMA	JAWATAN	BHG	NAMA KURSUS/BENGKEL /SEMINAR/TAKLIMAT	TARIKH
Awang Abdul Karim bin Hamdan	Pegawai Tuga-tugas Khas Tkt II	2	Forum Sambutan Hari Antarabangsa Orang Berkeperluan Khas (OBK) 2016	03 Disember 2016
Awang Muhd. Khairul Hadi bin Haji Muhd. Muhtaddir	Pegawai Penerangan	2	Strategic Organisational Performance	05 -06 Disember 2016
Awang Mohammad Khaiddir Shah bin Haji Abdul Halim	Pegawai Luar Penerangan	3	Bengkel Juruacara Majlis 'Master Of Ceremony' MC	05 - 07 Disember 2016
Awang Isa bin Haji Abdul Rahman	Pegawai Luar Penerangan	3	Bengkel Juruacara Majlis 'Master Of Ceremony' MC	05 - 07 Disember 2016
Awang Haji Dayang bin Haji Kasim	Pegawai Penerangan	2	Policy 101	07 - 08 Disember 2016
Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar	Pemangku Pengarah / Pegawai Penerangan Kanan	2	Managing Change	14 - 15 Disember 2016
Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaihi	Pegawai Penerangan Kanan	2	Managing Change	14 - 15 Disember 2016

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Like us on
Facebook

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242**